



DAULAT TUANKU

SULTAN YANG DIPERTUAN BAGI NEGERI DAN JAJAHAN TAKLUK JOHOR DARUL TA'ZIM YANG DI-PERTUAN AGONG

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Sultan Johor

Hari Kelepasan Am Negeri Johor 2026

Mac - April

Hari Raya Aidilfitri - 21 & 22 Mac 2026
Hari Keputeraan Sultan Johor - 23 Mac 2026



AKHBAR BULANAN KOPERASI PERMODALAN MELAYU NEGERI JOHOR

BIL.3 EDISI MAC 2026

Majlis Berbuka Puasa KPMNJ Di Madrasah Tahfiz Al Quran Sidi Ibrahim Ar Rashid, Johor Bahru

Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa bersama pelajar tahfiz di Madrasah Tahfiz Al Quran Sidi Ibrahim Ar Rashid, Johor Bahru sempena 16 Ramadan 1447H. Program ini melibatkan Barisan Anggota Lembaga, warga kerja dan anggota KPMNJ serta komuniti setempat. Pengisian bermula dengan ucapan alu-aluan, bacaan Yasin dan tahlil serta diakhiri dengan penyampaian sumbangan kepada pihak maahad dan duit raya kepada para pelajar.



Majlis berbuka puasa berlangsung dalam suasana penuh kesyukuran, diikuti dengan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih secara berjemaah, sebelum diakhiri dengan moreh dan bersurai. Ia sekali gus mencerminkan komitmen KPMNJ dalam memperkukuh hubungan silaturahim serta menyemarakkan amalan kebajikan sepanjang Ramadan.

sambungan di halaman 2



KPMNJ Perkukuh Strategi Kewangan Melalui Sesi Taklimat Sukuk Bersama Bank Islam

Halaman 5



Amil Zakat Harta KPMNJ Bertauliah MAINJ Tawar Khidmat Konsultasi dan Kutipan Zakat

Halaman 7



SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

MAAF ZAHIR & BATIN

Majlis Berbuka Puasa KPMNJ Di Madrasah Tahfiz Al Quran Sidi Ibrahim Ar Rashid, Johor Bahru

Johor Bahru, Johor, 6 Mac2026 | Oleh **Nor Nazurah binti Hassan**



Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa bersama komuniti setempat di Madrasah Tahfiz Al Quran Sidi Ibrahim Ar Rashid, Johor Bahru, bersempena 16 Ramadan 1447H.

Majlis yang berlangsung pada jam 6.00 petang itu dimulakan dengan ketibaan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Bandaraya serta warga kerja KPMNJ. Seterusnya, majlis diisi dengan bacaan Yassin dan tahlil sebelum diteruskan dengan ucapan wakil pihak madrasah dan wakil KPMNJ.

Acara kemudiannya diserikan dengan penyampaian duit raya dan sumbangan daripada pihak KPMNJ kepada pihak maahad dan para pelajar sebagai tanda keprihatinan serta tanggungjawab sosial koperasi terhadap institusi pendidikan Islam.

Majlis berbuka puasa berlangsung dalam suasana penuh kesyukuran, diikuti dengan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih secara berjemaah, sebelum diakhiri dengan moreh dan bersurai.



Turut hadir memeriahkan majlis, Barisan Anggota Lembaga KPMNJ yang diketuai oleh Ir. Dr. Haji Nizamil Fairuz bin Yahya selaku Pengerusi KPMNJ, Tuan Haji Md Razi bin Md Jidi, Bendahari KPMNJ, Tuan Haji Kamurddin bin A. Rahman, ALK, Tuan Haji Masariff bin Masduki, ALK serta Puan Nordiana binti Basarudin, Ketua Pegawai Eksekutif KPMNJ.

Selain itu, majlis juga disertai oleh Tuan Haji Aziz bin Abd Rahim selaku Bendahari, Ahli Jemaah Pengurusan Madrasah Tahfiz Al Quran Sidi Ibrahim Ar Rashid (MTQSIR) yang juga merupakan Anggota Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Bandaraya KPMNJ, serta kehadiran Dato' Haji Amir bin Danuri, Pengerusi Ahli Jemaah Pengurusan MTQSIR.

Penganjuran program seumpama ini mencerminkan komitmen berterusan KPMNJ dalam memperkukuh hubungan silaturahim bersama komuniti, di samping menyemarakkan amalan kebajikan dan nilai-nilai murni sepanjang bulan Ramadan.

Semoga usaha ini terus membawa keberkatan serta memberi manfaat berpanjangan kepada semua pihak yang terlibat.



Notis Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) Tahun 2026



كۆڭۈلۈڭىڭىزنى قۇرمۇز، ئارقا كۆرىڭىز، جۇمھۇر بۇرۇڭىڭىز

KPMNJ

KOPERASI PERMODALAN MELAYU NEGERI JOHOR BERHAD

Ruj. Kami : KPMNJ/PTD/UA/01-01

19hb. Mac 2026

**Anggota-anggota
Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YB Dato'/Datin/Haji/Hajah/Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN KOPERASI PERMODALAN MELAYU NEGERI JOHOR BERHAD (KPMNJ) BAGI TAHUN 2026

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) akan mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan Bagi Tahun 2026 seperti jadual berikut :-

BIL.	KAWASAN	TARIKH & MASA	TEMPAT
1.	i. Johor Utara ii. Johor Timur iii. Johor Barat (Batu Pahat & Luar Johor)	19hb. April 2026 (Ahad) 1 Zulkaedah 1447 8.30 pagi	Dewan LHDN Cawangan Kluang Jalan Batu Pahat, 86000 Kluang, Johor Darul Ta'zim
2.	i. Bandaraya ii. Johor Tengah iii. Johor Barat (Pontian)	26hb. April 2026 (Ahad) 8 Zulkaedah 1447 8.30 pagi	New York Hotel No. 22, Jalan Dato Abdullah Tahir, 80300 Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPMNJ amat mengalu-alukan kehadiran anggota-anggota Kawasan dalam mesyuarat tersebut. Wakil atau proksi kepada anggota serta apa-apa tuntutan bagi pihak anggota yang tidak hadir adalah tidak dibenarkan. Elaun kehadiran akan diberikan kepada anggota-anggota yang hadir sahaja dan hanya boleh dituntut selepas selesai mesyuarat. Pendaftaran kehadiran dibuka sehingga jam 10.30 pagi dan kehadiran selepas waktu tersebut tidak akan didaftarkan.

4. Turut dimaklumkan bahawa setiap anggota hendaklah hadir mengikut kawasan masing-masing yang telah didaftarkan berdasarkan pecahan jadual di atas. Pendaftaran di kawasan lain adalah TIDAK DIBENARKAN dan tiada pembayaran elaun diberikan.

1/2

Notis Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) Tahun 2026

5. Usul-usul secara bertulis yang ingin dikemukakan hendaklah sampai kepada Setiausaha KPMNJ melalui email kpmnj@melayujohor.com selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat diadakan.
6. Notis Panggilan Mesyuarat dan Semakan ke Mesyuarat Agung Kawasan 2026 boleh dibuat melalui Aplikasi Mudah Alih KPMNJ serta Portal Semakan Ke Mesyuarat Agung Kawasan 2026 di alamat berikut (<https://tinyurl.com/semakan-makkpmnj2026>) bermula 19hb. Mac 2026.
7. Buku Mesyuarat Agung Kawasan yang mengandungi Draf Akaun 2025 dan lain-lain Kertas Mesyuarat turut boleh diakses melalui Aplikasi Mudah Alih KPMNJ dan Portal Semakan Ke Mesyuarat Agung Kawasan 2026 bermula 6hb. April 2026.
8. Tuan/puan juga boleh mengemas kini Daftar Keanggotaan dengan menghubungi Bahagian Keanggotaan melalui aplikasi WhatsApp ditalian <https://wa.me/60197752050>.
9. Kerjasama anggota-anggota dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan dengan lancar adalah diharapkan dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

TEGUH . DINAMIK . PRIHATIN

Dengan Arahan Lembaga
KOPERASI PERMODALAN MELAYU NEGERI JOHOR BERHAD



HAJAH RABEAH BINTI SHAIKH MOHAMED
Setiausaha

KPMNJ Perkukuh Strategi Kewangan Melalui Sesi Taklimat Sukuk Bersama Bank Islam

Cheras, Kuala Lumpur, 3 Mac 2026 | Oleh **Muhamad Raqib bin Haharai**



Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) telah mengadakan satu sesi pertemuan strategik bersama Bank Islam Malaysia Berhad di Kuala Lumpur pada 3 Mac 2026 bagi mendengar taklimat serta sesi pengenalan berkaitan instrumen kewangan Islam, iaitu Sukuk. Pertemuan tersebut telah berlangsung di Pejabat AFK Sdn. Bhd., Kajang, Selangor, sebagai sebahagian daripada inisiatif berterusan KPMNJ dalam meneroka kaedah pembiayaan yang mampan dan patuh syariah.

Sesi berkenaan telah disampaikan oleh wakil pihak Bank Islam Malaysia Berhad, iaitu Encik Adam Abdul Aziz, Director, Investment & Advisory Group, Institutional Banking, bersama Encik Mohamad Faizal Hamzah, Head, Commercial Financing Solutions 2, Group Institutional Banking. Taklimat tersebut memberi pendedahan menyeluruh berhubung struktur, mekanisme pelaksanaan serta potensi Sukuk sebagai instrumen pembiayaan yang efektif bagi organisasi.

Pihak KPMNJ pula telah diwakili oleh Encik Hishamudin bin Ismail, Ketua Pegawai Operasi – Strategi Korporat, serta Ustaz Muhamad Raqib bin Haharai, Pengurus Pentadbiran & Syariah. Turut hadir, Jurulatih Korporat KPMNJ, Tuan Haji Zainudin bin Ali. Usaha ini adalah sebagai komitmen KPMNJ dalam menilai secara mendalam peluang-peluang strategik yang dapat memperkukuh kedudukan kewangan organisasi.

Tujuan utama pertemuan ini adalah untuk mendapatkan pemahaman awal serta penilaian terhadap cadangan penerbitan Sukuk KPMNJ sebagai salah satu alternatif pembiayaan. Inisiatif ini dilihat berpotensi untuk menyuntik aliran tunai yang lebih kukuh, seterusnya menyokong usaha pengembangan operasi dan perniagaan KPMNJ secara lebih sistematik dan berdaya saing.

Secara keseluruhannya, sesi pertemuan ini membuka ruang kerjasama yang lebih luas antara KPMNJ dan Bank Islam Malaysia Berhad dalam memperkasa strategi pembiayaan berasaskan prinsip kewangan Islam, sejajar dengan aspirasi organisasi untuk terus berkembang secara mampan dan berintegriti.

EXEC TRAVEL
EST 1983

Travel the Executive Way

Executive Travel & Tours Sdn Bhd | Exctraveljhb | Exctraveljguys | exctravel.com.my





عيد الأضحية
EID AL-ADHA

Kembara Spiritual

KORBAN

4 HARI 3 MALAM

PEKANBARU



RAYA HAJI KE-2

28 MEI - 31 MEI 2026

HARGA ^{RM} **1,099**

~~RM 1,299~~

*BILIK BERDUA



1 BAHAGIAN LEMBU KORBAN

RM 450

HARI 1	HARI 2	HARI 3	HARI 4
<ul style="list-style-type: none"> • FERRY MELAKA – DUMAI • ISLAMIC CENTER DUMAI • PERJALANAN KE PEKANBARU • CHECK-IN HOTEL 	<ul style="list-style-type: none"> • IBADAH QURBAN DI PONDOK PESANTREN AZ-ZAHRA • MASJID RAYA PEKANBARU • SHOPPING & ZIARAH ADAT MELAYU 	<ul style="list-style-type: none"> • ISTANA SIAK SRI INDRAPURA • MASJID AGUNG SULTAN SYARIF HASYIM • TAMAN BUNGA • SINGGAH LANDMARK SIAK 	<ul style="list-style-type: none"> • GALERI BATIK DUMAI • FERRY DUMAI – MELAKA



DI BAWAH YAYASAN PENDIDIKAN HAJJAH ROHANA

DIPIMPIN USTAZ ABDUL SOMAD



PAKEJ TERMASUK



LAWATAN & TOUR GUIDE



TRANSFER 3B/KL - MELAKA



FERRY MELAKA - DUMAI



HOTEL + SARAPAN

TIDAK TERMASUK



PERBELANJAAN PERIBADI



LAIN-LAIN TAK DINYATAKAN



INSURANS PERJALANAN



019-7530063 / 019-7110063

TEMPAT TERHAD



Amil Zakat Harta KPMNJ Bertauliah MAINJ Tawar Khidmat Konsultasi dan Kutipan Zakat

Tasek Utara, Johor, 12 Mac 2026 | Oleh **Badruddin bin Abu Jamil**



Amil Zakat Harta Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) yang bertauliah Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Ustaz Badruddin bin Abu Jamil telah menerima bayaran Zakat Perniagaan daripada Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara Berhad.

Majlis penyerahan Zakat Perniagaan tersebut telah disempurnakan oleh Cikgu Darwis, selaku Guru Penolong Kanan Kokurikulum (GPK KoKu) SMK Tasek Utara, dengan dimulakan akad ijab dan qabul serta diakhiri dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Ustaz Badruddin bin Abu Jamil sebagai tanda kesyukuran dan pematuhan terhadap tuntutan syarak.

Pelaksanaan ini mencerminkan komitmen berterusan KPMNJ dalam membantu MAINJ memperkasa pengurusan zakat agar dilaksanakan secara teratur, telus dan berintegriti selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, perkhidmatan konsultasi dan kutipan Zakat Harta turut ditawarkan kepada masyarakat awam yang ingin menunaikan kewajipan zakat secara sah dan sistematik melalui Amil Zakat Harta KPMNJ yang bertauliah.

Hubungi Ustaz Badruddin bin Abu Jamil, Amil Zakat Harta KPMNJ bagi temu janji dan konsultasi Zakat Harta anda di talian +60107876579 sekarang.

UMRAH HARMONY PAKEJ SUPER JIMAT 2026/2027

RM 4,990
BILIK BER-5

RM 5,290 | RM 5,490 | RM 5,990
BILIK BER-1 | BILIK BER-2 | BILIK BER-3

PENGINAPAN LEBIH LAMA DI MAKAN

- 3 MALAM - BARAKAT AL REFYA @ SETARAF (1 KM) | TANPA MAKAN & SHUTTLE BAS DISERANAKAN
- 3 MALAM - AMJAD HOTEL @ SETARAF (300 M) | TANPA MAKAN
- Penggunaan Visa Tourist
- Peluang 3 kali Umrah
- Bimbingan muatwafiq berpengalaman dengan rating 5 bintang
- Termasuk Ziarah Makkah & Madinah
- Pernama Kurma Umrah
- Pernama Sat Barangan Rumah

Tarikh Pergi	Tarikh Pulang	Sektor	Penerbangan	Tempoh
18.07.2026	26.07.2026	KUL-JED / MED-KUL	EMIRATES/OMAN AIR	9H 7M
23.07.2026	02.08.2026	KUL-JED / MED-KUL	EMIRATES/OMAN AIR	9H 7M
08.08.2026	16.08.2026	KUL-JED / MED-KUL	EMIRATES/OMAN AIR	9H 7M
22.08.2026	30.08.2026	KUL-JED / MED-KUL	EMIRATES/OMAN AIR	9H 7M
27.08.2026	04.09.2026	KUL-JED / MED-KUL	EMIRATES/OMAN AIR	9H 7M
12.09.2026	20.09.2026	KUL-JED / MED-KUL	EMIRATES/OMAN AIR	9H 7M
10.10.2026	18.10.2026	KUL-JED / MED-KUL	EMIRATES/OMAN AIR	9H 7M
24.10.2026	01.11.2026	KUL-JED / MED-KUL	EMIRATES/OMAN AIR	9H 7M
21.11.2026	29.11.2026	KUL-JED / MED-KUL	EMIRATES/OMAN AIR	9H 7M

* Tambahan RM 400 untuk tarikh cuti sekurang-sekurang September 2026.
** Tambahan RM 900 untuk tarikh cuti sekurang-sekurang Desember 2026.
SEBARANG PERUBAHAN HARGA TERTAKLUI KEPADA PERUBAHAN PENYERANAN, HOTEL & MATRANING SEMASA

UMRAH HARMONY PAKEJ RAHMAH 2026/2027

RM 5,990 DISKAUN RM300
RM 5,690
BILIK BER-4

RM 6,090 | RM 6,690
BILIK BER-3 | BILIK BER-2

PENGINAPAN LEBIH LAMA DI MAKAN

- 3 MALAM - ELAF BAKKAR @ SETARAF (1 KM) | TANPA MAKAN & SHUTTLE BAS DISERANAKAN
- 3 MALAM - ANDALUS AL MASSI @ SETARAF (300 M) | TANPA MAKAN
- Penggunaan Visa Umrah
- Peluang 3 kali Umrah
- Bimbingan muatwafiq berpengalaman dengan rating 5 bintang
- Termasuk Ziarah Makkah & Madinah
- Hajag & tarikh berdasarkan perubahan yang diumumkan

Tarikh Pergi	Tarikh Pulang	Sektor	Penerbangan	Tempoh
23.07.2026	02.08.2026	KUL-DXB-JED / MED-DXB-KUL	EMIRATES	11H 10M
18.08.2026	28.08.2026	KUL-DXB-JED / MED-DXB-KUL	EMIRATES	11H 10M
29.08.2026	09.09.2026	KUL-DXB-JED / MED-DXB-KUL	EMIRATES	11H 10M
24.09.2026	04.10.2026	KUL-DXB-JED / MED-DXB-KUL	EMIRATES	11H 10M
24.10.2026	03.11.2026	KUL-DXB-JED / MED-DXB-KUL	EMIRATES	11H 10M
26.11.2026	04.12.2026	KUL-DXB-JED / MED-DXB-KUL	EMIRATES	11H 10M
03.12.2026	13.12.2026	KUL-DXB-JED / MED-DXB-KUL	EMIRATES	11H 10M

* Tambahan RM 400 untuk tarikh cuti sekurang-sekurang September 2026.
** Tambahan RM 900 untuk tarikh cuti sekurang-sekurang Desember 2026.
SEBARANG PERUBAHAN HARGA TERTAKLUI KEPADA PERUBAHAN PENYERANAN, HOTEL & MATRANING SEMASA

UMRAH HARMONY PAKEJ AJYAD 2026/2027

RM 8,290 DISKAUN RM300
RM 7,990
BILIK BER-4

RM 8,590 | RM 9,190
BILIK BER-3 | BILIK BER-2

PERCUMA 1 MALAM & ZIARAH TAF

- 3 MALAM - SNOOD ALJAD @ SETARAF (300 M) | 3 X MAKAN ASIA
- 3 MALAM - QASR ANSAR GOLDEN TULIP @ SETARAF (100 M) | 3 X MAKAN ASIA
- TAF
- 3 MALAM - ORIENT HOTEL @ SETARAF RESORT MAKAN

Tarikh Pergi	Tarikh Pulang	Sektor	Penerbangan	Tempoh
13.07.2026	24.07.2026	KUL-JED / MED-KUL	MAS	12H 10M
12.08.2026	23.08.2026	KUL-JED / MED-KUL	MAS	12H 10M
26.08.2026	06.09.2026	KUL-JED / MED-KUL	MAS	12H 10M
16.09.2026	27.09.2026	KUL-JED / MED-KUL	MAS	12H 10M
15.10.2026	26.10.2026	KUL-JED / MED-KUL	MAS	12H 10M
11.11.2026	22.11.2026	KUL-JED / MED-KUL	MAS	12H 10M
07.12.2026	18.12.2026	KUL-JED / MED-KUL	MAS	12H 10M
24.12.2026	04.01.2027	KUL-JED / MED-KUL	MAS	12H 10M

* Tambahan RM 400 untuk tarikh cuti sekurang-sekurang September 2026.
** Tambahan RM 900 untuk tarikh cuti sekurang-sekurang Desember 2026.
SEBARANG PERUBAHAN HARGA TERTAKLUI KEPADA PERUBAHAN PENYERANAN, HOTEL & MATRANING SEMASA

Slot Pedoman Rohani KPMNJ Semarakkan Penghayatan Nuzul Quran

Johor Bahru, Johor 6 Mac 2026 Oleh **Nor Nazurah binti Hassan**



Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) telah menganjurkan Slot Pedoman Rohani Ramadan khas untuk anggota pekerja bertempat di Bilik Seminar, Tingkat 3, Bangunan KPMNJ.

Program yang berlangsung dari jam 8.45 pagi hingga 9.15 pagi ini menampilkan Ustaz Abd Halim bin Sarmin, Pegawai Penguatkuasa Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) merangkap Amil Zakat Fitrah MAINJ sebagai penceramah jemputan. Beliau telah menyampaikan pengisian bertajuk “Nuzul Quran dan Kelebihannya” yang memberi penekanan terhadap kepentingan memahami peristiwa penurunan Al-Quran serta kelebihan menghayatinya dalam kehidupan seharian.

Slot Pedoman Rohani ini dihadiri oleh anggota pekerja KPMNJ dan Subsidiari yang bertugas di Pejabat Jalan Segget secara bersemuka, manakala anggota pekerja yang bertugas di selain pejabat, turut mengikuti program ini secara dalam talian melalui platform Zoom-Meeting.

Selain pengisian rohani, Kaunter Zakat Fitrah MAINJ turut dibuka bagi memudahkan anggota pekerja menunaikan kewajipan zakat fitrah sepanjang bulan Ramadan.

Penganjuran program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif KPMNJ dalam memperkukuh pembangunan rohani dan sahsiah warga kerja, di samping mengimarahkan bulan Ramadan dengan pengisian yang bermanfaat dan berterusan.

Semoga usaha ini dapat meningkatkan kefahaman serta penghayatan agama dalam kalangan anggota pekerja, seterusnya melahirkan modal insan yang cemerlang dari sudut duniawi dan ukhrawi.



Perlukan Servis Aircond

Hubungi Kami Sekarang

☎07-2416050 | 019-7835350 (FARAH)

Majlis Khatam Al-Quran Warga Kerja KPMNJ Perkasa Budaya Al-Quran Dalam Organisasi

Johor Bahru, Johor, 13 Mac 2026 | Oleh **Badruddin bin Abu Jamil**



Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ) & Subsidiarinya telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran yang melibatkan penyertaan anggota pekerja sebagai salah satu pengisian rohani sepanjang bulan Ramadan. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Mohamad Ali bin Hasan, Naib Pengerusi KPMNJ, dan Puan Hajah Rabeah binti Shaikh Mohamed, Setiausaha, dan Tuan Haji Sahar bin Ahmad ALK secara dalam talian melalui aplikasi Zoom-Meeting.


Majlis yang berlangsung dalam suasana penuh keberkatan ini telah dipimpin oleh Ustaz Badruddin bin Abu Jamil, Penolong Eksekutif Syariah KPMNJ dimulakan dengan bacaan Surah-surah Lazim, Doa Khatam Al-Quran dan diakhiri dengan Doa Selamat dan selawat ke atas Baginda Nabi Muhammad SAW.

Turut memeriahkan majlis, Puan Nordiana binti Basarudin, Ketua Pegawai Eksekutif serta Encik Hishamuddin bin Ismail, Ketua Pegawai Operasi yang bersama-sama mengimarahkan program keagamaan tersebut.

Penganjuran majlis ini dilihat sebagai satu inisiatif dalam memperkukuh ukhuwah dalam kalangan warga kerja, di samping menyemai rasa cinta terhadap Al-Quran serta menghayati nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya bagi mengejar keberkatan bulan Ramadhan yang mulia ini.

Aplikasi Mudah Alih KPMNJ

Hebahan maklumat dan urusan anggota kearah pendigitalan



GET IT ON Google Play



Download on the App Store



SESI RAKAMAN VIDEO TAKBIR AIDILFITRI MERIAHKAN SUASANA SYAWAL

Johor Bahru, Johor, 6 Mac 2026 | Oleh **Nor Nazurah binti Hassan**



Bahagian Pentadbiran KPMNJ telah menganjurkan sesi rakaman awal video Takbir Hari Raya Aidilfitri yang melibatkan penyertaan anggota pekerja lelaki dari Jalan Segget dan Jalan Rawa, dalam usaha menyemarakkan sambutan Aidilfitri tahun 1447H/ 2026.

Program yang berlangsung di Bilik Seminar, Tingkat 3 pada jam 11.00 pagi, menyaksikan para peserta hadir lengkap berbaju Melayu berserta sampung dan songkok, sekali gus mewujudkan suasana yang penuh tradisi dan harmoni.

Sesi rakaman takbir tersebut telah dipimpin oleh empat orang secara bergilir iaitu Encik Ahmad Mujahid bin Khairul Anwar, Ustaz Badruddin bin Abu Jamil, Encik Mohamad Haiqal Hakimi bin Ibrahim @ Ismail dan Encik Muhammad Azmi bin Mohamed Nadzar. Alunan takbir yang dipersembahkan secara beramai-ramai disertai oleh 12 anggota pekerja lain menjadikan suasana lebih dijiwai dengan kalimah membesarkan Allah SWT.

Rakaman ini bertujuan menghasilkan kandungan video khas sempena sambutan Aidilfitri, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga kerja. Rakaman ini juga dijayakan oleh petugas dibelakang tabir terdiri daripada Cik Afiqah binti Anuar, Cik Nur Anis Azreen binti Khalid, Cik Siti Raihilla Raida binti Mislan, Puan Syarah Sakinah binti Sudarma dan Cik Nor Nazurah binti Hassan yang bertanggungjawab dalam pengurusan teknikal rakaman video.

Video takbir yang telah dirakam ini kemudiannya dimuat naik pada malam Hari Raya Aidilfitri, sekali gus menambahkan lagi kemeriahan dan penghayatan suasana menjelang Syawal dalam kalangan warga kerja dan Anggota KPMNJ.

Usaha ini juga dilihat sebagai satu pendekatan kreatif dalam menyemarakkan nilai kebersamaan serta memperkukuhkan semangat perpaduan dalam organisasi. Program berkenaan berjalan lancar dengan kerjasama penuh daripada semua peserta yang terlibat, sekali gus mencerminkan komitmen tinggi dalam menjayakan aktiviti yang dianjurkan.



EXECTRAVEL **KPMANJ**

PHU QUOC

Pearl Island Paradise

Sunset Sunset - Grand World - Colorful of Venice Show - Vinpearl Safari - VinWonders Theme Park - Noni Theme Cable Car - Aquatica Water Park - Madinataraman Town - Kiss Bridge - Bai San Beach

4 HARI
Min 5 Pax
3 MALAM
Harga Dari **RM 1,250** /pax
**pakej tertakluk pada perubahan terma*

5 HARI
4 MALAM
Harga Dari **RM 1,490** /pax

Harga Termasuk

- Hotel 3 star + Breakfast
- Lunch + Dinner
- Transport Private
- Private Boat
- Team Guide BM/English
- Cable Car
- Tiket Masuk
- VinWonders Safari
- Grand World

Tidak Termasuk

- Tiket Penerbangan
- Perkhidmatan Perkhidmatan
- Tipping
- Insurances

013-778 2169 | 019-727 0063 | 019-771 0063 | 019-771 0063

BOOK NOW

Executive Travel & Tours Sdn Bhd
www.exectravel.com.my
013-778 2169 | 019-727 0063 | 019-771 0063 | 019-771 0063

EXECTRAVEL **KPMANJ**

Pakej Private VIETNAM

indah, berbudaya dan menenangkan

PER PAX DARI ~~RM 1,100~~ RM 850

4H3M | *BELUM TERMASUK TIKET PENERBANGAN

HARGA UNTUK KUMPULAN 5 ORANG, LAGI RAMAI LAGI MURAH

Executive Travel & Tours Sdn Bhd
www.exectravel.com.my
013-778 2169 | 019-727 0063 | 019-771 0063 | 019-771 0063

EXECTRAVEL **KPMANJ**

HO CHI MINH (SAIGON)

Muslim Package

Lamson Mosque - Notre-Dame Cathedral - The Old Post Office - People's Committee Hall - Ben Thanh - My Tho (Mekong Delta) - Thai Sam Island (History Ben Form & Communist Army Warship) - Saigon Zoo - Kien Factory & Boutique Shops - Cu Chi Tunnels - War Remnants Museum - Lacquer Ware Factory - Ben Thanh Market

4 HARI
Min 5 Pax
3 MALAM
Harga Dari **RM 850** /pax
**pakej tertakluk pada perubahan terma*

Harga Termasuk

- Hotel 3 star + Breakfast
- Lunch + Dinner
- Transport Private
- Sempana Ride
- Team Guide BM/English
- Tiket Masuk
- Mekong River Private Boat Trip
- Thai Sam Island Activities (Private Boat Trip, historical campsite workshop, lock usage)
- Sempana Ride
- Cu Chi Tunnels Entrance Fee
- War Remnants Museum Entrance Fee

Tidak Termasuk

- Tiket Penerbangan
- Perkhidmatan Perkhidmatan
- Tipping
- Insurances

013-778 2169 | 019-727 0063 | 019-771 0063 | 019-771 0063

BOOK NOW

Executive Travel & Tours Sdn Bhd
www.exectravel.com.my
013-778 2169 | 019-727 0063 | 019-771 0063 | 019-771 0063

EXECTRAVEL **KPMANJ**

DA LAT + MUI NE + HO CHI MINH

Muslim Package

Da Lat: Paddy Farm - Robin Hill (Cable Car) - First Lam Son Monastery - Clay Tunnel & Infinity Lake - Fresh Garden - Botanic Waterfall (Baller Coaster) - Crazy House - Da Lat Night Market - Mui Ne: White Sand Dune (Dune Ride) - Ma Chi Beach, Nara Dama Cathedral & Old Post Office - An-Rukim/Machhman Mosque - Ben Thanh Market & Saigon Square - Telingkang Factory

4 HARI
Min 5 Pax
3 MALAM
Harga Dari **RM 1,250** /pax

5 HARI
4 MALAM
Harga Dari **RM 1,400** /pax
**pakej tertakluk pada perubahan terma*

Harga Termasuk

- Hotel 3 star + Breakfast
- Lunch + Dinner
- Transport Private
- Seap (White Sand Dune)
- Team Guide BM/English
- Cable Car (Robin Hill)
- Tiket Masuk
- Clay Tunnel & Infinity Lake
- Fresh Garden
- Crazy House
- Baller Coaster (Seap)
- Infinity Lake

Tidak Termasuk

- Tiket Penerbangan
- Perkhidmatan Perkhidmatan
- Tipping
- Insurances

013-778 2169 | 019-727 0063 | 019-771 0063 | 019-771 0063

BOOK NOW

Executive Travel & Tours Sdn Bhd
www.exectravel.com.my
013-778 2169 | 019-727 0063 | 019-771 0063 | 019-771 0063

Kool
AIRCOND SERVICING & REPAIRING
WIRING ELECTRICAL

PERKHIDMATAN KAMI

- MEMBEKAL & MEMASANG AIRCOND PELBAGAI JENAMA
- WIRING AIRCOND / LAMPU / KIPAS / SOCKET / PLUG
- NORMAL SERVICE AIRCOND
- CHEMICAL SERVICES
- OVERHAUL AIRCOND
- AIRCOND WATER LEAKING
- CHECKING AIRCOND
- TOPPING UP GAS
- RENOVATION
- PEMASANGAN GRILL
- PERKHIDMATAN - PERKHIDMATAN LAIN

HARGA BERMULA RM95-RM300

UMRAH HARMONY PAKEJ SAFWAH 2026/2027

RM8,990 (DISKAUN RM800 from RM9,790)

PERCUMA 1 MALAM & ZIARAH TAI

- 5 MALAM - SAFWAH TOWER @ SETARAF (50 M3) SARAPAN SAHAJA
- 4 MALAM - QASR ANSAR GOLDEN TULIP @ SETARAF (150 M3) 3 X MAKAN ASIA
- 1 MALAM - ORIENS HOTEL @ SETARAF BESERTA MAKAN

PERCUMA HARAMAIN SPEED TRAIN

Tarikh Pergi	Tarikh Pulang	Sektor	Penerbangan	Tempoh
13.07.2026	24.07.2026	KUL-MED / JED-KUL	MAS	12H 10M
12.08.2026	23.08.2026	KUL-MED / JED-KUL	MAS	12H 10M
26.08.2026	06.09.2026	KUL-MED / JED-KUL	MAS	12H 10M
16.09.2026	27.09.2026	KUL-MED / JED-KUL	MAS	12H 10M
28.10.2026	08.11.2026	KUL-JED / MED-KUL	MAS	12H 10M
11.11.2026	22.11.2026	KUL-MED / JED-KUL	MAS	12H 10M
14.12.2026	25.11.2026	KUL-JED / MED-KUL	MAS	12H 10M

20 TAHUN KAMPUS 50,000 JEMAH 100% SEMALAM

SEBARANG PERUBAHAN HARGA TERTAKLIK KEPADA PERUBAHAN PENERBANGAN, HOTEL & MATKAWANG SEMASA

Executive Travel & Tours Sdn Bhd | @exectravelguys | 019-7790063 / 019-7790063 / 019-7790063

KPMNJ
TEGUH • DINAMIK • PRIHATIN

YOK BAYAR ZAKAT HARTA

" Bersihkan Harta, Berkah Berganda."

Sebagai Amil Zakat Harta yang bertauliah dari Majlis Agama Islam Negeri Johor, kami menawarkan perkhidmatan konsultasi & kutipan bayaran Zakat Harta anda melalui Amil Zakat Harta KPMNJ

- ✓ Perniagaan
- ✓ Wang Simpanan
- ✓ Emas/Perak
- ✓ KWSP
- ✓ Pendapatan
- ✓ Lain-Lain

HUBUNGI KAMI

AMIL ZAKAT HARTA
PEJABAT : 07-2232050
USTAZ BADRUDDIN : 010-7876579

NO TAUHIAH AMIL ZAKAT HARTA MAINJ : ZKT 7/27 (70)

EXEC TRAVEL
EXECUTIVE TRAVEL & TOURS (M SDN BHD)

BUS & STAREX
TRANSPORTATION SERVICES

WE ALSO PROVIDE OTHER SERVICES SUCH AS:

- EVENT MANAGEMENT ✓
- INBOUND & OUTBOUND ✓
- FIT/ GROUP PACKAGE ✓
- UMRAH/ ZIARAH (TURKYE/ DOHA) ✓
- TICKETING DOMESTIC / INTERNASIONAL ✓
- TRANSPORTATION PENINSULAR MALAYSIA HAITAI THAILAND ✓

CONTACT US

50B Ground Floor KPMNJ Building, 60888 Ibrahim International Business District, Johor Darul Ta'zim

019-7530063
019-7270063
019-7110063
019-7790063

exectravelguys
ettsdnbhd@gmail.com
exectraveljhball.com
Executive Travel & Tours Sdn Bhd